



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025
PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

5228

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak



PERATURAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN	SKOR
1	تبين	1 Markah
2	Harus	1 Markah
3	فاليطرح	1 Markah
4	صيغة/Harta yang diwasiatkan/الموصى به	1 Markah
5	صيغة/Harta yang diwasiatkan/الموصى به	1 Markah
6	Nasakh kepada hukum yang sama berat	1 Markah
7	كراهة	1 Markah
8	الاستحسان	1 Markah
9	مقيد	1 Markah
10	مشاركة	1 Markah
11	سلطان سليم 1	1 Markah
12	ثابت بن رفاعه	1 Markah
13	سيف الله	1 Markah
14	تعزير	1 Markah
15	البيع	1 Markah
16	/	1 Markah
17	/	1 Markah
18	X	1 Markah
19	X	1 Markah
20	/	1 Markah

BAHAGIAN B

1	(a)	Dua tuntutan hukum daripada ayat di atas : - Wajib menasabkan anak angkat dengan nama bapa kandung - Anak angkat yang tidak diketahui bapa kandungnya, boleh dipanggil dengan panggilan saudaraku - Tidak berdosa jika menasabkan anak angkat dengan nama bapa angkat secara tidak sengaja - Berdosa jika menasabkan anak angkat dengan nama bapa angkat secara sengaja	2 isi x 1m = 2m
	(b)	Sebab nuzul ayat 5 Surah Al-Ahzab : - Ayat diturunkan berkaitan dengan kisah Zaid Bin Harithah - Yang merupakan bekas hamba Rasulullah SAW - Rasulullah telah mengambil Zaid Bin Harisah sebagai anak angkat sebelum kerasulannya - Tetapi sahabat memanggilnya dengan nama Zaid Bin Muhammad - Maka turunlah ayat ini melarang perbuatan tersebut dan memerintahkan untuk menasabkan anak angkat kepada bapa kandungnya	4 isi x 1m = 4m
	(c)	Cara ulamak mengistinbatkan hukum berkaitan nasab anak angkat : - Berdasarkan lafaz ادعواهم - Iaitu feel amar yang menunjukkan perintah - Setiap perintah menunjukkan wajib - Oleh itu wajib menasabkan anak angkat kepada bapa kandungnya	2 isi x 2m = 4m

	(d)		Dua hikmah suruhan menasabkan anak angkat kepada bapa kandungnya : - Mengiktiraf bapa kandung supaya dapat mengekalkan pertalian nasab antara mereka - Memelihara salasilah keluarga supaya tidak bercampur dengan orang yang tiada hubungan kekeluargaan - Menjaga batas aurat dan pergaulan antara anak angkat dengan keluarga angkat kerana mereka bukan mahram - Memastikan hukum perkahwinan anak angkat perempuan sah apabila walinya ialah bapa kandungnya - Memelihara hak seseorang anak angkat kepada bapa kandungnya seperti hak pewarisan harta pusaka - Anak angkat dapat mengenal asal usul keluarga kandung supaya tidak berlaku kekeliruan pada masa hadapan	2 isi x 2m = 4m
	(e)	(i)	Situasi ini berlaku kerana : - Kurang pendidikan agama dalam kalangan masyarakat tentang batas pergaulan dan aurat antara anak angkat dan keluarga angkat - Ramai yang menganggap anak angkat secara automatik menjadi mahram kepada keluarga angkat - Kebanyakan ibu bapa angkat terlalu sayang kepada anak angkat dan melayan anak angkat seperti anak kandung dan mengabaikan hukum batas pergaulan dan aurat	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua cadangan anda untuk mengatasi situasi di atas seperti yang disarankan oleh Islam : - Mengambil anak angkat dalam kalangan ahli keluarga terdekat seperti anak perempuan daripada adik beradik sebelah bapa dan sebaliknya - Menjadikan anak angkat sebagai anak susuan sebanyak lima kali kenyang - Memberitahu anak angkat tentang keluarga kandung mereka supaya mereka tahu asal usul keturunan mereka	2 isi x 2m = 4m
2	(a)		Maksud mengubah ciptaan Allah ialah mengubah suai anggota badan / daripada kejadian asal	2 isi x 1m = 2m

	(b)	Cara ulamak mengistinbatkan hukum : - Berdasarkan lafaz لعن الله - Yang bermaksud Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan tersebut - Setiap perbuatan yang dilaknat oleh Allah membawa hukum haram - Oleh itu, haram membuat tatu dan yang meminta dibuatkan tatu, mencukur alis dan menjarangkan gigi untuk kecantikan	2 isi x 2m = 4m
	(c)	Dua perbuatan yang dianggap mengubah ciptaan Allah SWT selain dalam hadis : - Menyambung atau mencantumkan rambut - Mewarnakan rambut - Melakukan pengubahsuaian jantina - Pembedahan plastik kosmetik	2 isi x 1m = 2m
	(d)	Dua hujah pembedahan plastik untuk kecantikan bukti mencabar ciptaan Allah SWT : - Pembedahan plastik boleh dilihat sebagai tidak bersyukur atas ketetapan dan ketentuan Allah SWT / kerana Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian - Pembedahan plastik dianggap sebagai melanggar hukum Allah SWT / kerana mereka ingin menunjukkan identiti yang baharu	2 isi x 2m = 4m
	(e)	Dua usaha untuk menghindari perbuatan (larangan) dalam hadis : - Mengadakan kempen untuk memberi penjelasan tentang bahaya mengubah ciptaan Allah terhadap diri sendiri - Berusaha mendalami hukum agama supaya mengetahui perkara yang halal dan haram - Memperbanyakkan zikir kepada Allah melalui amalan-amalan soleh di samping banyak berdoa supaya dilindungi daripada terjebak melakukan perbuatan yang dilarang	2 isi x 2m = 4m

	(f)		Tindakan yang patut dilakukan oleh Fatimah :	2 isi x 2m = 4m										
			<table><tr><td>Kriteria</td><td>Contoh Jawapan</td></tr><tr><td>Isi</td><td>Tidak membenarkan jurusolek mencukur alis</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Kerana perbuatan tersebut dilarang oleh syarak</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Sebagaimana mafhum hadis - Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang yang mencukur alis</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu sebagai orang beriman wajib mematuhi hukum syarak dalam berhias</td></tr></table>	Kriteria	Contoh Jawapan	Isi	Tidak membenarkan jurusolek mencukur alis	Huraian	Kerana perbuatan tersebut dilarang oleh syarak	Huraian Lengkap	Sebagaimana mafhum hadis - Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang yang mencukur alis	Kesimpulan	Oleh itu sebagai orang beriman wajib mematuhi hukum syarak dalam berhias	
Kriteria	Contoh Jawapan													
Isi	Tidak membenarkan jurusolek mencukur alis													
Huraian	Kerana perbuatan tersebut dilarang oleh syarak													
Huraian Lengkap	Sebagaimana mafhum hadis - Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang yang mencukur alis													
Kesimpulan	Oleh itu sebagai orang beriman wajib mematuhi hukum syarak dalam berhias													
3	(a)	(i)	Maksud perkahwinan ialah akad yang mengharuskan persetubuhan antara suami dengan isteri / dalam bentuk yang dibenarkan oleh syarak	2 isi x 1m = 2m										
		(ii)	Dua kategori wanita yang haram dikahwini buat selama-lamanya beserta contoh : <table><tr><td>Kategori</td><td>Contoh</td></tr><tr><td>1. Keturunan</td><td> - Ibu,nenek dan ke atas - Anak perempuan,cucu dan kebawah - Adik beradik perempuan kandungan, seibu atau sebapa sahaja - Anak saudara perempuan (anak perempuan kepada adik beradik kandung, seibu atau sebapa sahaja) - Ibu saudara (adik beradik ibu atau bapa sama ada adik beradik kandung atau seibu, sebapa sahaja) dan ke atas </td></tr><tr><td>2. Persemendaan (المصاهرة)</td><td> - Ibu tiri: Isteri bapa, Isteri datuk, nenek tiri dan ke atas - Menantu: Isteri cucu dan ke bawah. - Mentua: Ibu isteri, nenek isteri dan ke atas - Anak tiri anak kepada isteri yang telah disetubuhi </td></tr><tr><td>3.Penyusuan</td><td> - Ibu susuan, nenek susuan dan ke atas - Adik beradik susuan - Anak perempuan kepada adik beradik susuan - Adik beradik perempuan bapa atau ibu susuan - Adik beradik susuan bapa atau ibu sendiri - Anak saudara isteri </td></tr></table>	Kategori	Contoh	1. Keturunan	- Ibu,nenek dan ke atas - Anak perempuan,cucu dan kebawah - Adik beradik perempuan kandungan, seibu atau sebapa sahaja - Anak saudara perempuan (anak perempuan kepada adik beradik kandung, seibu atau sebapa sahaja) - Ibu saudara (adik beradik ibu atau bapa sama ada adik beradik kandung atau seibu, sebapa sahaja) dan ke atas	2. Persemendaan (المصاهرة)	- Ibu tiri: Isteri bapa, Isteri datuk, nenek tiri dan ke atas - Menantu: Isteri cucu dan ke bawah. - Mentua: Ibu isteri, nenek isteri dan ke atas - Anak tiri anak kepada isteri yang telah disetubuhi	3.Penyusuan	- Ibu susuan, nenek susuan dan ke atas - Adik beradik susuan - Anak perempuan kepada adik beradik susuan - Adik beradik perempuan bapa atau ibu susuan - Adik beradik susuan bapa atau ibu sendiri - Anak saudara isteri	2 isi x 2m = 4m		
Kategori	Contoh													
1. Keturunan	- Ibu,nenek dan ke atas - Anak perempuan,cucu dan kebawah - Adik beradik perempuan kandungan, seibu atau sebapa sahaja - Anak saudara perempuan (anak perempuan kepada adik beradik kandung, seibu atau sebapa sahaja) - Ibu saudara (adik beradik ibu atau bapa sama ada adik beradik kandung atau seibu, sebapa sahaja) dan ke atas													
2. Persemendaan (المصاهرة)	- Ibu tiri: Isteri bapa, Isteri datuk, nenek tiri dan ke atas - Menantu: Isteri cucu dan ke bawah. - Mentua: Ibu isteri, nenek isteri dan ke atas - Anak tiri anak kepada isteri yang telah disetubuhi													
3.Penyusuan	- Ibu susuan, nenek susuan dan ke atas - Adik beradik susuan - Anak perempuan kepada adik beradik susuan - Adik beradik perempuan bapa atau ibu susuan - Adik beradik susuan bapa atau ibu sendiri - Anak saudara isteri													
	(b)	(i)	Ciri utama dalam memilih pasangan hidup : Contoh jawapan : <table><tr><td>Kriteria</td><td>Contoh Jawapan</td></tr><tr><td>Isi</td><td>Ciri utama ialah beragama</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Kerana pasangan yang berpegang teguh dengan agama akan menjadikan prinsip agama sebagai panduan dalam kehidupan</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Kesannya akan wujud rumahtangga yang bahagia</td></tr><tr><td>Kesimpulan</td><td>Oleh itu umat Islam perlu membuat pilihan yang tepat dalam memilih pasangan agar kehidupan diredhai Allah SWT</td></tr></table>	Kriteria	Contoh Jawapan	Isi	Ciri utama ialah beragama	Huraian	Kerana pasangan yang berpegang teguh dengan agama akan menjadikan prinsip agama sebagai panduan dalam kehidupan	Huraian Lengkap	Kesannya akan wujud rumahtangga yang bahagia	Kesimpulan	Oleh itu umat Islam perlu membuat pilihan yang tepat dalam memilih pasangan agar kehidupan diredhai Allah SWT	4 isi x 1m = 4m
Kriteria	Contoh Jawapan													
Isi	Ciri utama ialah beragama													
Huraian	Kerana pasangan yang berpegang teguh dengan agama akan menjadikan prinsip agama sebagai panduan dalam kehidupan													
Huraian Lengkap	Kesannya akan wujud rumahtangga yang bahagia													
Kesimpulan	Oleh itu umat Islam perlu membuat pilihan yang tepat dalam memilih pasangan agar kehidupan diredhai Allah SWT													

	(c)	(i)	Maksud Lafaz Khas ialah lafaz yang menunjukkan makna yang khusus bagi sesuatu perkara / sama ada nama khas atau bilangan tertentu	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Takhsis dengan dalil bukan nas : – Takhsis dengan Ijmak – Ayat menerangkan kewajipan menunaikan Solat Jumaat kepada orang Islam tanpa pengecualian – Tetapi ia telah ditakhsiskan oleh Ijma' ulamak yang menyatakan bahawa tiada kewajipan untuk menunaikan solat jumaat kepada orang perempuan dan hamba – Oleh itu Solat Jumaat kepada lelaki sahaja dan tidak diwajibkan kepada perempuan, kanak-kanak dan hamba	4 isi x 1m = 4m
	(d)		Lafaz Muqayyad dalam nas : – Lafaz شهرين متتابعين ialah Lafaz Muqayyad – Kerana lafaz شهرين telah diikat dengan lafaz متتابعين – Yang bermaksud berpuasa dua bulan berturut-turut – Oleh itu kafarah zihar ialah wajib berpuasa dua bulan berturut-turut dan tidak cukup berpuasa secara berselang-seli	4 isi x 1m = 4m

BAHAGIAN C

4	(a)	(i)	Maksud Al-Ijmak ialah persepakatan ulamak mujtahidin daripada umat Nabi Muhammad SAW pada suatu masa terhadap sesuatu hukum syarak selepas kewafatan Baginda SAW	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua bahagian Al-Ijmak ialah : Al-Ijmak As-Soreh Contoh - Haram memakan lemak khinzir seperti haram memakan dagingnya - Haram mengahwini nenek, moyang dan ke atas Al-Ijmak As-Sukuti Contoh - Wajib mengerjakan haji sekali seumur hidup - Hukum kafir bagi orang yang mengingkari kewajipan solat	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Dua dalil yang disepakati selain Al-Ijmak : – Al-Qur'an – As-Sunnah – Al-Qias	2 isi x 1m = 2m
	(b)		Dua syarat pemberi dan penerima Al-Wadi'ah : – Kedua-dua pihak mestilah berkeelayakan untuk menguruskan harta iaitu baligh, berakal dan tidak dipaksa – Orang yang menerima al-wadi'ah mestilah orang yang layak memegang amanah itu – Orang yang menerima al-wadi'ah mestilah orang yang tidak ditegah	2 isi x 2m = 4m
	(c)		Dua perkembangan Perundangan Islam pada zaman sahabat : – Berlakunya pengumpulan ayat Al-Qur'an dalam bentuk mushaf – Berlaku ijmak ulamak pada masalah baru – Wujud beberapa hukum baru hasil ijtihad para sahabat – Lahir fuqahak dalam kalangan sahabat khusus dalam bidang perundangan	2 isi x 2m = 4m
	(d)		Dua sumbangan Al-Khawarizmi terhadap Kerajaan Bani Abbasiyyah : – Antara pakar Matematik terawal pada zamannya – Diamanahkan oleh Khalifah Al-Makmun untuk melukis peta bumi – Banyak meninggalkan karya berkaitan dengan Ilmu Falak dan Geografi seperti Al-Jibra Wal Muqabalah – Pengasas Teori Algebra	2 isi x 2m = 4m
5	(a)	(i)	Hukum Taklifi ialah Khitobullah yang menuntut melakukan sesuatu atau meninggalkannya atau memilih untuk melakukan atau tidak	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	- Hukum Taklifi ialah إيجاب - iaitu wajib menunaikan solat dan mengeluarkan zakat - Hukum Wadi'e ialah مانع - Berlainan agama adalah menjadi penghalang (مانع) daripada mewarisi harta	2 isi x 2m = 4m

	(iii)	Tindakan yang perlu dilakukan untuk menjadikan hukum syarak sebagai panduan dalam kehidupan : – Sentiasa membaca Al-Qur'an setiap hari dan memahami maksudnya – Sentiasa mempelajari hadis dan mempraktikkannya dalam kehidupan – Sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid atau surau – Sentiasa bertanya kepada ulamak bila ada kemusykilan berkaitan dengan hukum hakam – Sentiasa menghormati guru yang mengajar ilmu-ilmu agama dan ilmu yang berguna dalam kehidupan	1 isi x 2m = 2m								
	(b)	Dua kaedah pensabitan hukuman jenayah dalam Islam : - Iqrar iaitu pengakuan seseorang terhadap jenayah yang dilakukannya - Syahaadah iaitu keterangan yang diberikan oleh saksi yang melihat atau mendengar jenayah yang dilakukan oleh orang lain - Qarinah iaitu bukti kukuh yang menunjukkan bahawa jenayah telah berlaku seperti kecederaan kepada mangsa - Sumpah iaitu sumpah pendakwa kerana tidak mempunyai bukti atau saksi setelah orang yang didakwa enggan bersumpah menafikan tuduhan jenayah ke atasnya	2 isi x 2m = 4m								
	(c)	Empat ciri undang-undang Islam : - Berdasarkan manhaj ketuhanan (ربانية) - Bersifat universal (عالمية) - Menyeluruh (شمولية) - Sumber yang asli dan kekal - Menghilangkan kesulitan dan mendatangkan kemudahan	2 isi x 2m = 4m								
	(d)	Dua perbezaan antara Tamadun Islam dengan Tamadun Barat : <table><tr><th>Tamadun Islam</th><th>Tamadun Barat</th></tr><tr><td>Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah</td><td>Agama ialah kebudayaan masyarakat yang sentiasa berubah-ubah</td></tr><tr><td>Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat</td><td>Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama</td></tr><tr><td>Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama</td><td>Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama</td></tr></table>	Tamadun Islam	Tamadun Barat	Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang sentiasa berubah-ubah	Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama	Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama	2 isi x 2m = 4m
Tamadun Islam	Tamadun Barat										
Islam adalah asas tamadun dan prinsip-prinsipnya tidak akan berubah	Agama ialah kebudayaan masyarakat yang sentiasa berubah-ubah										
Berasaskan konsep kesepaduan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan dengan manusia, iaitu antara dunia dengan akhirat	Hanya menumpukan kepada aspek-aspek keduniaan semata-mata tanpa menghiraukan tuntutan agama										
Kemajuan mestilah tidak bertentangan dengan objektif dan tujuan agama	Kemajuan mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa terikat dengan nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama										

~ PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT ~